

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: SoIS - Pusat Pengajian Antarabangsa
Sent: Monday, 20 March, 2017 6:47 PM
To: UUM - All Staff
Subject: KUNJUNGAN REKTOR UNIVERSITAS BAKRIE INDONESIA KE PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA (SOIS)

DARIPADA:
PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA
UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

☎ 04 – 9288451 ☎ 04 – 9288470
✉ sois@uum.edu.my ✉ sois.uum.edu.my



20 MAC 2017 / 21 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



KUNJUNGAN REKTOR UNIVERSITAS BAKRIE INDONESIA KE PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA (SOIS) TERUS PERKUKUHKAN KERJASAMA

SoIS ONLINE – Peluang kerjasama yang telah terjalin di antara Pusat Pengajian Antrabangsa (SoIS) dengan Universitas Bakrie (UB), Jakarta Indonesia telah membuka ruang yang lebih luas bagi pelaksanaan aktiviti yang akan memberikan keuntungan kepada kedua belah pihak. Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada 11 Mac 2016, UB telah memulakan program dengan menghantar seramai 12 orang pelajar bagi mengikuti program mobiliti berkredit pada Semester Pertama Sesi 2016/2017. UB merupakan salah satu daripada insitusi di bawah Kumpulan Bakrie di mana pemiliknya adalah Ir. H. Aburizal Bakrie seorang tokoh pengusaha yang berjaya di Indonesia.

Kunjungan Prof. Ir. Sofia W. Alisjahbana, M.Sc., Ph.D (Rektor Universitas Bakrie) dan Ibu Suharyanti M.S.M (Ketua Bidang Pengajian Komunikasi) pada 13 hingga 15 Mac 2017 ke UUM telah membuka ruang perbincangan aktiviti dan program yang akan dilaksanakan di bawah MoU ini. Perbincangan yang dibuat telah menemui kesepakatan di mana pihak UB mengalukan kehadiran pelajar mobiliti UUM dan akan menyediakan penginapan kepada mereka sepanjang mengikuti program ini. Selain itu, cadangan bagi menawarkan program double Degree, program fast track kepada pelajar UB untuk mengikuti program Sarjana di UUM, program Ph.D dan penyelidikan melalui matching grantt serta penerbitan bersama turut dibincangkan semasa sesi kunjungan ini. UB juga bersedia untuk bekerjasama bagi penganjuran seminar dwi tahunan SoIS iaitu International Conference on International Studies (ICIS) untuk diadakan di Jakarta pada tahun 2018.

Delegasi UB telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Naib Canselor UUM. Semasa kunjungan ini turut diselitkan dengan lawatan ke tempat-tempat menarik di UUM antaranya adalah Anjung Tamu, Galeri UUM, UAssist, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, INASIS Pelajar dan Varsity Mall. Delegasi ini amat teruja dengan kemudahan dan juga keindahan UUM dan amat berpuas hati dengan sesi kunjungan ini.

Habis.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.